



IDEA...terjemahan penataan selesa.

KEMUDAHAN...realisasikan impian untuk bersantai di kolam renang Gardenz@ One South.

Kehidupan selesa

Projek fasa tiga pangsapuri servis Gardenz@ One South tawar 377 unit untuk dimiliki

>>Oleh Hartini Mohd Nawi
tini@hmetro.com.my

MENAWARKAN suasana kehidupan selesa dan penuh dengan gaya hidup menarik, projek pembangunan fasa tiga pangsapuri servis Gardenz@ One South menggamit tumpuan ramai.

Dimajukan Hua Yang Berhad, projek berkenaan kesinambungan fasa satu membabitkan unit runcit dan pejabat serta fasa kedua pangsapuri servis Parc@ One South.

Gardenz@ One South yang terletak di Serdang Perdana, Seri Kembangan, Selangor itu menampilkan 377 unit pangsapuri servis dengan keluasan binaan dari 1,020 hingga 1220 kaki persegi

Menerusi lima reka bentuk yang luas ia mencatatkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM160 juta.

One South pula membabitkan pembangunan campuran yang bersepadu dan antara projek terbesar Hua Yang di Lembah Klang bernilai RM 840 juta.

Ia terdiri dari kedai pejabat, pangsapuri servis, pejabat kecil dan pejabat rumah (SOHO) dan menara pejabat yang terbentang di sebarang tanah seluas 6.68 hektar.

"Bermula dari RM 380,000 ke atas, kami menjangkakan kebanyakan pembeli adalah golongan profesional muda, siswazah, keluarga muda dan mereka yang ingin menaik taraf kediaman," kata Pengurus Jualan dan Pemasaran Hua Yang Berhad, Loh Chin Hong.

Sesuai benar dinamakan Gar-



LENGKAP...tersergam gagah dengan gaya pembangunan eksklusif.



TETAP MENARIK...pemandangan malam Gardenz@ One South.

denz kerana konsep kehijauan-nya dengan corak nada sezaman.

Malah, projek pembangunan itu juga turut tertumpu kepada penggabungan tema logam, kayu, air, tanah dan api.

Idea taman juga diilhamkan seperti 'Kinship Garden', antara lokasi paling sempurna untuk belajar dan bekerja.

Tidak ketinggalan 'Bountiful Garden' pula bercirikan kolam dan takungan jernih semantara Taman Musim Panas pula memberikan gambaran cetusan warna yang menyihatkan.

Sememangnya kelompok pokok terracota dan dusun dedaun atau willow orchard menawarkan penataan taman semula jadi.

Ciri lain yang membezakan Gardenz@One South adalah penekanannya terhadap ruang dengan setiap unit tampil dengan rekaian kembar dua bersamaan dengan unit sudut.

Menariknya ia hanya sembilan unit bagi setiap aras selain disediakan tiga lif ternyata memberikan suasana privasi kepada penghuni.

Malah setiap unit juga disediakan dua unit ruang letak kereta tertutup.

"Kami menyediakan suasana moden bagi setiap unit, dengan jubin tembikar yang anggun khususnya kawasan istirahat, makan dan taman persendirian bagi unit-unit tertentu.

"Tambahan pula, penghuni dapat menikmati pemandangan indah dari KLCC, hotel Palace of the Golden Horses, tasik The Mines dan Kelab Lumba Kuda.

"Gardenz@One South seterusnya bersedia untuk menarik hati

penghuni dan tetamu dengan ruang legar yang luas dan tempat menurunkan penumpang yang menarik bercirikan landskap menarik," kata Loh.

Lebih 30 kemudahan disediakan seperti kolam renang, jakuzi, bilik sauna atau wap, gimnasium, trek jogging, dua gelanggang skuasy, gelanggang bola keranjang, gelanggang badminton tertutup, pingpong dan bilik snuker.

Kemudahan seperti bilik AV/teater mini, bilik KTV, bilik istirahat penghuni, bilik yoga/aerobik, bilik tuisyen, bilik bacaan, bilik WIFI, bilik mainan, bilik majlis dan laluan refleksiologi juga disediakan.

Aspek keselamatan pula diberi keutamaan melalui sistem keselamatan tiga peringkat dengan pengawasan dan CCTV 24 jam termasuk alat audio bimbit bagi setiap unit.

Penghuni juga dapat menikmati perkhidmatan bas ulang-alik ke stesen KIM Serdang, stesen LRT Bukit Jalil dan Sungai Besi dan terminal bus Bandar Tasik Selatan untuk memastikan perjalanan tanpa gangguan.

Gardenz@One South juga mudah dihubungkan menerusi ke Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan Lebuhraya Besraya.

Pembangunan itu turut disambungkan kepada lapan lebuhraya sekunder termasuk Lebuhraya Sungai Besi-Puchong, Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya, Lebuhraya Silk, Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Shah Alam (KE-SAS), Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) dan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE).